

# Mahkamah mendengar rayuan Anwar 1 Ogos

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mahkamah Persekutuan di sini menetapkan 1 Ogos ini untuk mendengar rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja berhubung keputusan kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pembela.

Peguambela Anwar, S N Nair berkata, pihaknya mendapat tarikh itu hari ini dan Anwar akan hadir ketika rayuannya didengar nanti.

Pada Jun lalu, Mahkamah Rayuan menolak rayuan Anwar dan Sukma Darmawan untuk mengemukakan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Arif-

fin Jaka berhubung kehadiran Dr Mahathir.

Ariffin dalam keputusannya pada 21 April lalu memutuskan, Dr Mahathir tidak perlu hadir sebagai saksi pembela untuk memberi keterangan dalam perbicaraan kes liwat.

Katanya, mahkamah mendapati tindakan memanggil Dr Mahathir untuk memberi keterangan pada perbicaraan itu adalah satu proses penyalahgunaan mahkamah.

Selasa lalu, Ariffin, selepas mendengar hujah pembela dan pendakwa menetapkan 4 Ogos ini untuk keputusan kes liwat membatalkan Anwar dan Sukma Darma-

wan terhadap Azizan Abu Bakar.

Anwar, 53, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari dan Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan juga menghadapi tuduhan kedua iaitu ber-subahat dengan Anwar meliwat Azizan di tempat dan waktu yang sama.